

Pahang biaya kos rawatan penjawat awam, pesara negeri di SASMEC@IIUM

Oleh [Asrol Awang](#) - April 8, 2024 @ 10:26am
bhnews@bh.com.my



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail. Gambar fail

KUANTAN: Kerajaan Pahang melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang bersetuju membiaya kos rawatan penjawat awam dan pesara perkhidmatan awam negeri di Pusat Perubatan Sultan Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (SASMEC@IIUM), Kuantan, berkuat kuasa bulan ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata ia adalah inisiatif kerajaan negeri secara berterusan dalam memastikan kebajikan penjawat awam terus dijaga.

"Pembiayaan kos rawatan ini membabitkan penanggungungan 30 peratus bil rawatan perubatan dan 100 peratus bil rawatan ubat khas, ubat non-formulary (NF) dan implant.

"Dalam pada itu, pembiayaan kos rawatan bagi kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak berkuasa berkanun (PBB) yang turut membabitkan penanggung 30 peratus bil rawatan perubatan dan penanggung 100 peratus bil rawatan ubat khas, ubat NF dan implant adalah ditanggung agensi masing-masing," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Wan Rosdy berkata, keputusan itu secara langsung dapat mengurangkan kesesakan yang berlaku di hospital dan klinik kerajaan.

"Saya mengharapkan menerusi pembiayaan ini, penjawat awam dan pesara perkhidmatan awam negeri dapat menggunakan perkhidmatan rawatan kesihatan di SASMEC@IIUM dengan sebaik-baiknya," katanya.